

## Long term compression behavior of fibrous peat

Deskripsi Lengkap: <https://lib.ui.ac.id/detail?id=20437737&lokasi=lokal>

---

### Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan sifat kebolehmampatan tanah gambut berdasarkan hasil ujian pengukuhan menggunakan sel Rowe dengan pengukuran tekanan air liang lebih. Ujian piawaian makmal menunjukkan bahawa tanah yang digunakan dalam kajian ini boleh dikelaskan sebagai gambut gentian dengan darjah penguraian rendah ke sederhana serta kandungan organik dan gentian yang tinggi. Ia merupakan jenis tanah gambut yang biasa ditemukan di Semenanjung Malaysia. Hasil ujian pengukuhan menunjukkan bahawa kebolehtelapan mula tanah adalah tinggi dengan nilai kebolehtelapan malar 3.15, dan mampatan sekunder yang cukup besar dengan kelajuan yang tidak malar terhadap logaritma masa. Mampatan sekunder bermula bila tanah mencapai darjah pengukuhan 65%. Kajian menunjukkan bahawa pengujian kebolehmampatan dengan menggunakan sel Rowe dan pengukuran tekanan air liang lebih baik kerana ia membolehkan penyiasatan tindak balas tanah terhadap bebanan pada kadar terikan yang tinggi hingga membenarkan penyelidikan sifat kebolehmampatan tanah untuk masa yang lebih lama. Pemisahan pemampatan primer dan sekunder sangat penting bagi evaluasi sifat pemampatan tanah gambut gentian.